



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 4 SEPTEMBER 2024

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	LADANG TERNAKAN AYAM DI BUKIT PELANDUK DIKESAN JEJAS KUALITI AIR PERSEKITARAN, BERNAMA -ONLINE	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
2.	LADANG AYAM PUNCA PENCEMARAN AIR LONGKANG HITAM DAN BERULAT DIARAH TUTUP, MYKMU.NET -ONLINE	
3.	PENCEMARAN SUNGAI, LADANG AYAM DI BUKIT PELANDOK DIARAH TUTUP SEMENTARA, BULETIN TV3 -ONLINE	
4.	LADANG AYAM DISYAKI CEMARI LAUT, PORT DICKSON, SH -28	
5.	749,800 BENIH IKAN DILEPASKAN DI TERENGGANU, DALAM NEGERI, UM -33	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
6.	749,800 BENIH IKAN DILEPAS KE SUNGAI TERENGGANU, NEGARA, KOSMO -14	
7.	NANAS PUNCA GRADUAN UPM BANGKIT USAHAKAN SEKTOR AGROPELANCONGAN DI KAJANG, MAJORITI.COM -ONLINE	LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA (LPNM)
8.	BEKALAN BAJA LEWAT JEJAS TANAMAN PADI, SABAK BERNAM, SH -28	LAIN-LAIN
9.	RAMAI BEREPUT DURIAN KOP BESAR DI RAUB, NEGARA, KOSMO -14	
10.	1,000 PESAWAH SEKINCHAN BELUM TERIMA BAJA PADI, DALAM NEGERI, UM -31	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)



Malay



AM > BERITA

Ladang Ternakan Ayam Di Bukit Pelanduk Dikesan Jejas Kualiti Air Persekitaran

🕒 03/09/2024 09:41 PM



Sebuah ladang ternakan ayam berkeluasan sekitar 2.02 hektar di Bukit Pelanduk Port Dickson yang telah beroperasi hampir 20 tahun disyaki menyebabkan pencemaran serta menjejaskan kualiti air di kawasan persekitaran dan air laut.

PORT DICKSON, 3 Sept (Bernama) -- Sebuah ladang ternakan ayam berkeluasan sekitar 2.02 hektar di Bukit Pelanduk dekat sini yang telah beroperasi hampir 20 tahun disyaki menyebabkan pencemaran serta menjejaskan kualiti air di kawasan persekitaran dan air laut.

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Keusahawanan, Sumber Manusia, Perubahan Iklim, Koperasi dan Kepenggunaan S. Veerapan berkata susulan aduan penduduk sekitar, Badan Kawal Selia Air negeri telah mengambil sampel air parit di ladang berkenaan bagi siasatan lanjut.

Tinjauan mendapati ladang ternakan ayam itu dijalankan di tempat terbuka dengan persekitaran tidak terurus selain air longkang dan parit berwarna hitam serta dipenuhi lalat dan ulat sampah.





"Jabatan Alam Sekitar (JAS) negeri ke lokasi ini mendapati berlaku pencemaran air di ladang itu disyaki daripada najis haiwan. Hasil siasatan dijalankan, terdapat ladang ayam penternakan ayam daging beroperasi dengan kapasiti ayam sebanyak 30,000 ekor telah beroperasi 20 tahun di sini," katanya kepada pemberita di sini.

Beliau berkata ladang itu terletak di kebun kelapa sawit dan terdapat dua kolam takungan air digunakan untuk mencuci lantai di reban ternakan terbabat.


Pekerja ladang menggunakan air kolam ini untuk cucian lantai reban ayam yang dilakukan kira-kira dua bulan sekali selain tiada kemudahan rawatan air di ladang berkenaan, tambah beliau.



"Setelah membersihkan tinja ayam, lantai dicuci dan air cucian akan melalui longkang lalu mengalir ke dalam parit sebelum ke alur air berdekatan," katanya.

Beliau seterusnya menyatakan bahawa pihaknya telah mengarahkan ladang itu ditutup sementara dengan Jabatan Veterinar negeri turut mengeluarkan notis kepada pemilik ladang supaya melakukan kerja pembersihan dan kompaun telah dikenakan.

-- BERNAMA



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/9/2024	MYKMU.NET	ONLINE	

Ladang ayam punca pencemaran air longkang hitam dan berulat diarah tutup



PORT DICKSON: Keadaan air longkang hitam dengan lalat berterbangan, selain ulat sampah turut ditemukan dalam parit.

Itu antara keadaan dikesan di sebuah ladang ternakan ayam berkeluasan 2.02 hektar di Bukit Pelandok di sini yang disyaki menjadi punca pencemaran laut berhampiran.

Pengerusi Jawatankuasa

Keusahawanan, Sumber Manusia, Perubahan Iklim, Koperasi dan Kepenggunaan negeri, S Veerapan berkata satu pemeriksaan dan siasatan dijalankan di lokasi pagi tadi, susulan aduan awam berhubung pencemaran itu.

“Hasil siasatan menemukan ladang penternakan ayam daging yang sudah beroperasi sejak kira-kira 20 tahun lalu, dengan kapasiti 30,000 ekor.

“Pemeriksaan mendapati air longkang di kawasan reban disalurkan ke parit dalam kawasan kebun sawit, selain terdapat dua kolam takungan yang digunakan untuk aktiviti ternakan itu.

“Laporan polis dibuat Badan Kawal Selia Air (BKSA) dan Jabatan Alam Sekitar berkaitan isu ini. Kita juga sudah mengambil sampel air parit untuk tindakan lanjut,” katanya ketika ditemui di lokasi pemeriksaan petang tadi.

Tambah beliau lagi, pihak ladang menggunakan air kolam untuk cucian lantai reban ayam yang dilakukan 70 hari sekali bagi, selain tiada loji rawatan air tersedia di ladang itu.

“Setelah membersihkan najis ayam, lantai dicuci dan air cucian melalui longkang. Air berkenaan kemudiannya mengalir ke parit sebelum ke alur air berdekatan.

“Kita sudah arahkan ladang ditutup sementara dan Jabatan Veterinar Negeri Sembilan mengeluarkan notis supaya membuat pembersihan serta kompaun kepada pemilik ladang di kawasan Chuah,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/9/2024	BULETIN TV3	ONLINE	

Pencemaran sungai, ladang ayam di Bukit Pelandok diarah tutup sementara



Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Keusahawanan, Sumber Manusia, Perubahan Iklim, Koperasi dan Kepenggunaan Negeri Sembilan, S Veerapan melihat keadaan air yang tercemar dari ladang ayam di Bukit Pelandok, Chuah, Port Dickson. (Foto Mohd Khidir Zakaria)

PORT DICKSON: Ladang ternakan ayam di Bukit Pelandok, Chuah diarahkan tutup sementara menunggu siasatan berikutan berlaku pencemaran air sungai yang di syaki daripada najis haiwan itu.

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Keusahawanan, Sumber Manusia, Perubahan Iklim, Koperasi dan Kepenggunaan Negeri Sembilan, S Veerapan berkata, pihaknya sedang menyiasat selepas menerima aduan orang ramai khususnya penduduk di Bukit Pelandok, Chuah tentang pencemaran air sungai.

“Susulan aduan itu, Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Badan Kawal Selia Air (BKSA) sudah ke lokasi ini dan siasatan ke atas aduan tersebut sedang dijalankan di mana pencemaran air sungai ini disyaki daripada najis ternakan ayam.



“Hasil daripada siasatan yang dijalankan juga mendapati terdapat ladang ayam penternakan ayam daging yang dipercayai sudah beroperasi dengan kapasiti ayam sebanyak 30,000 ekor,”katanya ketika ditemui di sini tadi.

Katanya, ladang ayam ini juga dipercayai sudah beroperasi di sini sejak 20 tahun lalu dan

berharap pihak berkaitan agar segera membuat siasatan lanjut.

“Saya juga difahamkan pihak BKSA sudah membuat laporan polis berkaitan isu pencemaran air sungai yang boleh menjejaskan kesihatan penduduk sekitar.



“Apa yang saya perhatikan air yang dari reban ayam itu berwarna hitam didapati terus ke longkang di kawasan reban dan terus disalurkan ke parit di dalam kawasan kebun kelapa sawit itu,” ujarnya.

Veerapan berkata, air yang tercemar itu terus mengalir di dua kolam takungan yang

digunakan untuk aktiviti mencuci reban.

“Pekerja ladang menggunakan air kolam ini untuk cucian lantai reban ayam yang dibuat 70 hari sekali cucian dan air cucian akan disalurkan ke longkang yang mengalir ke dalam parit.

“Namun saya difahamkan pihak Veterinar sedang menyiasat perkara ini kerana JAS memang tidak ada bidang kuasa ke atas isu ini,” katanya.

Tambahnya, dia dimaklumkan pihak BKSA sudah mengambil sampel air dari tempat ini dan sedang buat pensemplan.

“Sekiranya ada kesalahan dilakukan, tindakan susulan akan dibuat dan saya dimaklumkan juga laporan polis sudahpun dibuat oleh BKSA dan JAS berkaitan isu ini.

“Hasil lawatan saya di sekeliling reban ayam ini air yang dilepaskan terus ke longkang juga tercemar yang menyebabkan sungai juga turut tercemar dan pastinya ia merosakkan hidupan di dalam sungai itu,” katanya.

Ujarnya, Jabatan Veterinar akan ambil tindakan yang sewajarnya ke atas isu ini.

“Bagi pihak kerajaan negeri, saya akan mengarahkan agar ladang ini akan ditutup sementara bagi siasatan penuh dijalankan pihak berkaitan.

“Jabatan Veterinar sudahpun mengeluarkan notis supaya membuat pembersihan dan juga kompaun kepada pemilik ladang di Bukit Pelandok, Chuah,” katanya.

Bekalan baja lewat jejas tanaman padi

Seramai 1,000 pesawah terkesan berdepan kelewatan terima baja

Oleh MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR SABAK BERNAM

Kira-kira 1,920 hektar tanaman padi di Blok L1 hingga L20 Sungai Leman, Sekinchan yang terlibat dalam skim baja rintis berdepan menerima bekalan baja sedangkan pokok padi sudah ditanam secara berperingkat bermula Ogos lalu.

Seorang pesawah, Mohamad Asri Badron, 64, berkata, keadaan itu membayangkan kira-kira 1,000 pesawah yang terlibat dalam skim baja rintis musim kedua tanaman tahun ini.

Menurut beliau, kawasan itu sebahagian daripada beberapa kawasan di seluruh negara yang terpilih bagi pembekalan baja rintis oleh pihak kerajaan.

"Kami menyokong inisiatif kerajaan mengurangkan beban pembelian baja, namun malangnya kerja-kerja menyebarkan baja melalui dron mengambil masa terlalu lama.

"Blasanya anak pokok berusia empat hingga 10 hari sudah ditabur baja kali pertama, tetapi sehingga kini ramai pesawah merungut kawasan tanaman mereka belum ditabur baja," katanya ketika ditemui pada Selasa.

Mohamad Asri memberitahu, sehingga kini dia difahamkan terdapat



Mohamad Asri (tiga dari kiri) menunjukkan lot padi di Sungai Leman, Sekinchan yang masih belum menerima semburan baja pada Selasa.

rumpun sahaja tumbuh memenuhi kawasan sawah," ujarnya.

Murshidul Hafid Ahmad, 50, berkata, pada masa ini, pesawah pula yang terpaksa mendapatkan baja di pusat operasi dan stor yang dikendalikan pihak syarikat bertanggungjawab.

Jelasnya, sebelum ini, mana-mana pesawah yang lewat menerima semburan baja boleh mendapatkan baja secara terus di stor terbabit.

"Kami terpaksa menabur baja sendiri dan dibayar RM50 setiap lot sawah oleh pihak syarikat apabila semburan baja menggunakan dron lewat, namun ketika ini terpaksa menunggu untuk menabur baja kali kedua selepas usia pokok padi melebihi 20 hari.

"Jika hendak tunggu satu pusingan baja selesai, mungkin makan masa lama untuk kerja pembajaan kali kedua," ujarnya.

Ladang ayam disyaki cemari laut

PORT DICKSON - Air longkang berwarna hitam dengan lalat berterbangan selain terdapat ulat sampah dalam part.

Itu antara keadaan yang dapat dilihat di sebuah ladang ternakan ayam berkeluasan 2.02 hektar di Bukit Pelandok di sini, disyaki menyebabkan pencemaran laut berhampiran.

Exco Keusahawanan, Sumber Manusia, Perubahan Iklim, Koperasi dan Kepenggunaan Negeri Sembilan, S Veerapan berkata, berikutan itu satu pemeriksaan dan siasatan telah dijalankan di lokasi oleh agensi bertanggungjawab pada pagi Selasa selepas menerima aduan orang awam susulan pencemaran itu yang disyaki daripada najis haiwan.

"Hasil siasatan mendapati terdapat ladang ayam yang beroperasi dengan kapasiti 30,000 ekor ayam dan telah beroperasi 20 tahun.

"Air longkang di kawasan reban tersebut disalurkan ke part di dalam kawasan kebun sawit dan juga terdapat dua kolam takungan untuk aktiviti ternakan itu," katanya ketika ditemui pemberita di lokasi pada Selasa.

Ujarnya, ladang tersebut diarahkan ditutup sementara zaman Jabatan Veterinar Negeri Sembilan telah mengeluarkan notis supaya membuat pembersihan serta kompaun kepada pemilik ladang di kawasan Chuah.



Veerapan ketika meninjau keadaan air longkang di lokasi reban ayam berkenaan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/9/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	33

749,800 benih ikan dilepaskan di Terengganu



SEBAHAGIAN daripada benih ikan yang dilepaskan Jabatan Perikanan Negeri Terengganu di Sungai Merchang, Marang, baru-baru ini.

KUALA TERENGGANU: Sebanyak 749,800 benih ikan pelbagai spesies bernilai RM236,510 dilepaskan di 16 lokasi seluruh negeri ini sejak Januari hingga Ogos lalu.

Pengarah Jabatan Perikanan Negeri Terengganu, Ruzaidi Mat berkata, program tersebut bertujuan mengukuhkan lagi ketahanan makanan dan memulihara pelbagai spesies ikan di habitat asalnya.

Menurutnya, pelepasan benih ikan itu juga dapat meningkatkan tangkapan hasil nelayan dan melonjakkan industri perikanan rekreasi setempat.

"Jabatan telah menerima peruntukan sebanyak RM135,000 bagi perolehan benih ikan daripada kerajaan negeri dan Kera-

jaan Persekutuan pada tahun ini.

"Sebanyak 295,400 benih ikan terdiri daripada 21,500 ekor baung, lampam sungai (80,000), udang galah (190,000), siakap (3,300) dan kelah (600) dilepaskan di lokasi terpilih setakat ini," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*.

Pemilihan lokasi pelepasan benih ikan itu berdasarkan beberapa kriteria antaranya kewujudan aktiviti penangkapan ikan oleh nelayan darat dan kawasan tersebut berpotensi dijadikan konservasi perikanan.

Beliau berkata, berdasarkan data pada 2022 dan 2023 menunjukkan peningkatan jumlah pendaratan perikanan darat sebanyak 14.7 peratus iaitu

bersamaan 24.63 tan metrik manakala nilai borong bernilai RM763,282.33.

Menurutnya, peningkatan itu antara impak positif menerusi program pelepasan benih ikan yang dilaksanakan oleh Jabatan Perikanan Terengganu.

"Harapan kita agar komuniti setempat turut memainkan peranan memelihara ekosistem perairan darat agar usaha dilakukan kerajaan dapat dikecapi hasilnya.

"Orang awam yang memiliki ikan asing sebagai ikan peliharaan juga diingatkan agar tidak melepaskan ikan tersebut ke perairan umum kerana itu akan menyebabkan ikan-ikan sedia ada menjadi mangsa," katanya.

4/9/2024

KOSMO

NEGARA

14

Dua ulas satu pangsa, isi lemak, pahit beri kepuasan

Ramai berebut durian kop besar di Raub

Oleh HAFIS FADILAH AHMAD

RAUB - Hampir 50 baka baharu Durian Premium Kampung (DPK) di Raub, Lipis dan Jerantut mula dipasarkan. Perkhidmatan pengedaran ini telah menarik perhatian pengunjung dari luar, sejak beberapa minggu lalu.

Beberapa baka baharu DPK pernah dihasilkan sebagai joluan peringatan daerah juga sudah ditawarkan di bawah beberapa nama. Namun, baka ini kali ini menawarkan rasa yang berbeza, dengan manis dan pahit yang seimbang.

Perkuk kerusi di Kampung Durian Premium Raub, Huzaidi bin Huzaidi, 25, berkata, baka ini adalah durian yang sudah lama dikenali di Raub dan sekitarnya. Baka ini mempunyai rasa yang manis dan pahit yang seimbang, dengan lemak yang banyak.

"Saya tidak menyangka durian kop besar mendapat perhatian ramai orang luar. Sebelum ini ia cuma dikenali di sekitar kampung ini sahaja. Sekarang ia sudah menjadi baka yang popular di Raub dan sekitarnya," katanya.

Beberapa tahun lalu ketika tidak lejar seperti dua musim lalu, durian kop besar mula menjadi baka yang popular di Raub dan sekitarnya. Baka ini mempunyai rasa yang manis dan pahit yang seimbang, dengan lemak yang banyak.

"Namun, pokok ini tetap berbuah dari ketika gugur dikutip untuk dimakan ahli keluarga sahaja di samping jalan terbelat. Sekarang ia sudah menjadi baka yang popular di Raub dan sekitarnya. Baka ini mempunyai rasa yang manis dan pahit yang seimbang, dengan lemak yang banyak."



PENGEMAR durian, Nur Aslan Nur Huzaidi, berkata, baka ini adalah durian yang sudah lama dikenali di Raub dan sekitarnya.

ISI lemak, lemak dan pahit tambah selera penggemar durian.

beleh dikomersialkan dan serlah menjadi buah mulut orang ramai, para pembeli mula datang setiap musim antara sebab buah durian kampung dikenali agak cepat tumbuhnya.

749,800 benih ikan dilepas ke sungai di Terengganu



SEBANYAK 749,800 benih ikan dilepas ke sungai di Terengganu, mengorbankan 100 orang tenaga sukarelawan.

MARANG - Jabatan Perikanan Terengganu mengahiri inisiatif melepaskan 749,800 benih ikan ke sungai di Terengganu. Program ini bertujuan untuk meningkatkan kepelupukan ikan di negeri ini.

Pengarah Perikanan Terengganu, Huzaidi bin Huzaidi, berkata, program ini adalah inisiatif yang dijalankan oleh Jabatan Perikanan Terengganu dan 100 tenaga sukarelawan. Program ini bertujuan untuk meningkatkan kepelupukan ikan di negeri ini.

"Pelepasan benih ikan di 16 lokasi di seluruh negeri ini juga bagi meningkatkan tangkapan ikan di sungai-sungai," katanya.

ikan nelayan selain melongkarkan lagi industri perikanan rekreasi ikan. Program ini bertujuan untuk meningkatkan kepelupukan ikan di negeri ini.

"Pelepasan benih ikan di 16 lokasi di seluruh negeri ini juga bagi meningkatkan tangkapan ikan di sungai-sungai," katanya.

"Pelepasan benih ikan di 16 lokasi di seluruh negeri ini juga bagi meningkatkan tangkapan ikan di sungai-sungai," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/9/2024	MAJORITI.COM	ONLINE	

Nanas punca graduan UPM bangkit usahakan sektor agropelancongan di Kajang




Pelancong sibuk memilih nanas yang ditanam di Saudagar Nanas Agrofarm.

KONSEP agropelancongan yang menawarkan pelbagai aktiviti berkaitan sektor pertanian dan perladangan kepada para pelancong semakin berkembang pesat di Malaysia.

Aktiviti yang mendapat sambutan dalam sektor tersebut termasuklah adalah lawatan ke dusun

buah-buah dan ladang ternakan, penyelidikan serta inap desa.

Antara lokasi yang boleh anda kunjungi adalah di Saudagar Nanas Agrofarm yang berpangkalan di Sungai Merah, Kajang, Selangor. Ia bukan sahaja popular dalam kalangan pengunjung tempatan, bahkan turut mencuri perhatian pelancong luar negara.



Mohd Noorhardy bermula dengan tanaman nanas pada tahun 2018.

Mengenali Saudagar Nanas Agrofarm, Mohd Noorhardy Mohd Noorzain, graduan Sumber Manusia dari Universiti Putra Malaysia (UPM) itu begitu teruja berkongsi tentang perjalanannya dalam mengusahakan bisnes pelancongan agro.

Bagaimana anda mendapat idea menjadikan ladang nanas bukan sekadar kawasan pertanian, tetapi turut mengaut untung sebagai lokasi pelancongan?

Saya bermula dengan tanaman nanas tahun 2018. Setahun kemudian ketika bercuti di Cameron Highlands, Pahang, saya mendapat ilham untuk menukar konsep perusahaan ladang nanas kepada bisnes pelancongan agro.

Idea itu tercetus selepas singgah ke sebuah kafe yang menjual pelbagai produk menggunakan strawberi sebagai bahan asas seperti jus, nasi lemak, kek dan jem.

Sementara itu, bersebelahan dengannya dibuka kawasan untuk pengunjung memetik buah strawberi segar. Bertitik tolak daripada itu, saya berpendapat bahawa nanas juga boleh

dipraktikkan dengan konsep yang sama. Maka, saya proaktif mengeluarkan jus, jem, kek dan ais krim berasaskan buah ini (nanas).

Bagi merealisasikan konsep pelancongan agro bukanlah mudah. Saya menjana pendapatan secara berperingkat menerusi penjualan jus, buah nanas potong sehingga dibuka kepada orang ramai pada 5 Februari 2022.



Mohd Noorhardy belajar teknik menanam buah nanas terlebih dahulu sebelum mengusahakannya di tanah milik bapa mentua seluas 1.21 hektar.

Dari segi cabaran, bagaimana anda menguruskan pelbagai produk berasaskan nanas secara serentak di satu kawasan?

Sebelum ini saya pernah mengalami kegagalan dalam perniagaan hingga mengalami kemurungan.

Buah nanas punca diri ini bangkit demi menyara keluarga. Saya bermula menjual nanas kepada orang ramai, kemudian urus niaga pula dengan pemborong sebelum membuka kiosk.

Tahun 2018 selepas mendapat bantuan benih daripada Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM), saya belajar teknik menanam buah ini lalu mengusahakannya di tanah milik bapa mentua seluas 1.21 hektar.

Daripada proses menanam, kemudian menjual margin keuntungan menjadi lebih tinggi. Secara tidak langsung, saya dapat menambah baik dan membuat pelbagai perubahan fasa demi fasa.

Adakah konsep pelancongan agro berpotensi menarik pelancong antarabangsa, sekali gus membantu pertumbuhan ekonomi negara?

Sejujurnya ya. Potensi pelancongan agro sangat tinggi terutamanya di kawasan yang mempunyai pemandangan indah. Jika kondisi infrastruktur jalan kurang memuaskan pun pengunjung akan tetap singgah.

Sebagai contoh, Boh Sungai Palas di Cameron Highlands. Biarpun perjalanan ke sana mencabar, tetapi sentiasa penuh dengan kehadiran orang ramai.

Mengapa? Faktor utama adalah kecantikan panoramanya ditambah dengan udara yang segar. Lagipun para pelancong gemar akan konsep *back to nature* yang memanfaatkan sumber alam semula jadi.



Pelancong menikmati hidangan yang terdapat di kafe dalam kawasan Saudagar Nanas Agrofarm.

Sehubungan itu, apakah perancangan anda untuk hisnes pelancongan agro?

Dalam bisnes pastinya mempunyai pelan jangka pendek dan jangka panjang. Sasaran saya pada tahun 2018 untuk mengusahakan tanaman seluas empat hektar dan

pelancongan agro untuk tempoh lima tahun sudah tercapai.

Perancangan saya kini mengembangkan tanaman kerana jumlah permintaan buah kian meningkat. Selain itu, saya juga berhasrat membina konsep kafe seperti di Jepun dalam tempoh lima tahun memandangkan di negara matahari terbit, nanas begitu popular kerana ia dianggap *super fruit*.

Oleh itu, bagi merealisasikan pelan berkenaan kami dalam proses mengeksport nanas ke Jepun termasuk menjalinkan rangkain bersama pelbagai pihak berkaitan seperti kementerian dan kaunselor pertanian di sana (Jepun).

Perkembangan itu sedikit sebanyak membantu membimbing saya kaedah terbaik untuk menembusi pasaran di negara berkenaan.



Pelawat berpeluang melihat demonstrasi menghasilkan produk berasaskan nanas.

Nasihat anda kepada usahawan agro yang bercadang mengubah konsep pertanian biasa kepada pelancongan agro?

Konsep *back to nature* semakin diterima ramai. Ia bukan sahaja memberi peluang kepada orang luar mengenali lebih dekat bidang pertanian diusahakan, bahkan dapat membantu menjana pendapatan tambahan kepada usahawan agro.

Berdasarkan pengalaman, selain perlu mengumpul modal, jangan berhenti belajar konsep pelancongan agro. Saya gemar berkunjung ke kawasan ladang yang menawarkan konsep ini (pelancongan agro) di seluruh negara khususnya sekitar Pulau Pinang, selain Cameron Highlands.

Di Pulau Pinang, boleh dikatakan sebahagian besarnya dijadikan pelancongan agro seperti kandang kambing, ladang sayur dan taman bunga kerana ia diusahakan dalam pulau yang popular dengan pelbagai daya tarikan.

Dalam pada itu, jangan lepaskan peluang merujuk agensi kerajaan yang menawarkan pelbagai jenis bantuan. Selain bantuan daripada LPNM, saya juga mempunyai geran penambahbaikan pelancongan agro.

Bagi memastikan pelancongan agro yang diusahakan berada pada tahap terbaik, pengusaha perlu menawarkan pelbagai pakej menarik. Kebanyakan pelancong gemar mencuba aktiviti disediakan dan membeli produk untuk dibawa pulang.

Apakah aktiviti yang disediakan di Saudagar Nanas Agrofarm buat pengunjung?

Di sini pengunjung diberi penerangan dan pendidikan mengenai nanas. Mereka juga berpeluang menanam dan memetik buah (nanas). Inisiatif ini bertujuan memberi pendedahan tentang kelebihan bidang pertanian. Kemudian sesi lawatan ke bahagian nanas hiasan yang mana ramai tidak mengetahui terdapat 3,000 spesis nanas hiasan berbunnga.

Seterusnya, pelawat berpeluang melihat demonstrasi menghasilkan produk berasaskan nanas seperti kek dan piza. — **Majoriti**



PESAWAH menunjukkan lot padi yang belum menerima semburan baja di Kampung Sungai Leman, Sekinchan, Sabak Bernam, Selangor.

1,000 pesawah Sekinchan belum terima baja padi

Oleh ISKANDAR
SHAH MOHAMED

utusannews@medialia.com.my

SABAK BERNAM: Lebih 1,000 pesawah di Sungai Leman, Sekinchan di sini, reshah kerana tanaman padi di Blok L1 hingga L20 belum menerima bekalan baja.

Isa susulan kira-kira 1,920 hektar tanaman yang terli- bat dalam skim baja rintis itu berlegan faktor kelewatan se- dangkan pokok padi ditanam secara berperingkat sejak bu- lan lalu.

Pesawah, Mohamad Asri Badron, 64, berkata, keadaan itu membimbangkan mereka yang terlibat dalam skim musim kedua tanaman tahun ini.

Katanya, sawah itu antara beberapa kawasan di seluruh negara yang dipilih bagi pem- bekalan baja rintis oleh kera- jaan.

"Kami memang menyokong usaha mengurangkan beban pembelian baja namun kerja- kerja semburan baja mela- lui dron mengambil masa agak lama."

"Anak pokok berusia em- pat hingga 10 hari kebiasaa- nya telah ditabur baja kali pertama tetapi ramai pesawah merungut kerana kawasan ta- naman belum dapat melaku- kannya setakat ini," katanya ketika ditemui semalam.

Menurut Mohamad Asri, dia difahamkan terdapat 600 hek- tar tanaman padi di kawasan itu belum disemur baja kali pertama.

"Masalah ini tidak sepa- tunya timbul kerana kerajaan melantik syarikat bagi mengu- ruskan projek rintis tersebut," ujarnya.

Bagi Sulbani Abd Karim, 59, kelewatan bekalan baja itu mengakibatkan tumbesaran

pokok padi pesawah terbantut. "Jika tidak mengikut tarikh penanaman sebenar, kami ri- sau ia menjejaskan buh padi sekali gus mengurangkan hasil pengeluaran musim ini."

"Pokok padi sepatutnya menerima empat kali baja se- musim namun jadual pema- bajaan kali pertama pun sudah lewat dan kawasan sawah akan dipenuhi rumput," katanya.

Murshidul Hafid Ahmad, 50, pula mendakwa, pesawah terpaksa mendapatkan baja di pusat operasi dan stor yang dikendalikan pihak syarikat bertanggawab.

"Kami kini terpaksa me- nabur baja sendiri dan dibayar RM50 setiap lot sawah apabila semburan baja menggunakan dron lewat. Jika mahu me- nunggu satu pusingan baja se- lesat, ia mungkin makan masa lama untuk kerja pembajaan kali kedua," ujarnya.